



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
**MINGGU EPIDEMIOLOGI 42 (15 OKTOBER – 21 OKTOBER 2023)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-42 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,262 kes berbanding 2,271 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak sembilan (9) kes (0.4%). Terdapat enam (6) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-42 tahun 2023.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-42 adalah sebanyak 96,443 kes berbanding 48,109 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 48,334 (100.5%). Manakala sejumlah 73 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 29 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-42 menurun sebanyak enam (6) lokaliti dengan sejumlah 73 lokaliti berbanding 79 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 73 lokaliti yang dilaporkan, 51 lokaliti di Negeri Selangor, sembilan (9) lokaliti di WPKL & Putrajaya, lima (5) lokaliti di Negeri Perak, tiga (3) lokaliti di Negeri Sembilan, dua (2) lokaliti di Negeri Sarawak dan masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Sabah.

Bagi surveyan chikungunya, sebanyak satu (1) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-42. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 177 kes. Bagi surveyan zika, sebanyak 2,842 sampel darah dan 286 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Terdapat segelintir masyarakat yang masih tidak peka dengan kebersihan sekeliling dan membiarkan premis mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus melaksanakan operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 di seluruh negara bagi membendung peningkatan kes denggi dan mengurangkan risiko jangkitan denggi dalam kalangan Masyarakat. Di bawah Seksyen 13(1), APSPP 1975 jika didapati terdapat pembiakan Aedes di kawasan premis, kompaun maksima RM 500.00 boleh dikenakan. Tindakan mahkamah akan diambil kepada pemunya / penduduk yang gagal membayar kompaun dalam tempoh yang diberikan atau yang gagal mematuhi arahan kerja seperti dalam Notis Seksyen 8 yang dikeluarkan. Sekiranya disabitkan kesalahan, denda maksimum adalah berjumlah RM 10,000.00 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan bagi kesalahan kali pertama. Bagi kesalahan yang berulang, denda maksimum adalah RM 50,000.00 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**28 Oktober 2023**




**Gambarajah 1:** Perbandingan kes dan kematian demam enggi Minggu Epidemiologi ke-42 & ke-41 tahun 2023



**Gambarajah 2:** Perbandingan kes dan kematian demam enggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-42 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam dengan Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-42), 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot dengan Minggu Epidemiologi ke-42 tahun 2023**